

# HEXIGEL

Chlorhexidine Gluconate (1% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hexigel
2. Bagaimana Hexigel berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hexigel
4. Cara menggunakan Hexigel
5. Semasa menggunakan Hexigel
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hexigel
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Hexigel

Hexigel digunakan untuk kebersihan mulut. Ia juga digunakan untuk melegakan keradangan gusi, ulcer mulut dan jangkitan mulut.

## Bagaimana Hexigel berfungsi

Hexigel mengandungi chlorhexidine gluconate. Ia adalah agen antibakteria yang menghalang pertumbuhan bakteria yang biasanya terdapat di dalam mulut.

## Sebelum menggunakan Hexigel

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan Hexigel jika:

- Anda hipersensitif kepada chlorhexidine atau kepada mana-mana ramuan Hexigel.

### - Sebelum menggunakan Hexigel

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda jika anda menggunakan mana-mana produk untuk mulut.

## Kehamilan dan menyusuan

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum penggunaan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Chlorhexidine tidak serasi dengan agen anion (caj negatif).

## Cara menggunakan Hexigel

Gunakan Hexigel seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa banyak harus digunakan

Untuk kebersihan mulut, menghalang pembentukan plak dan keradangan gusi: Berus pada gigi sekali atau dua kali sehari.

Untuk ulcer mulut:

Sapu pada bahagian yang terjejas satu atau dua kali sehari.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi mengenai tempoh rawatan. Teruskan mengambil Hexigel selagi doktor anda mengesyorkan.

### - Jika terlupa menggunakan

Sekiranya anda lupa menggunakan gel pada masa yang tepat, gunakannya sebaik sahaja anda ingat, kemudian teruskan seperti sebelumnya. Jangan menggandakan dos untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Ini belum pernah dilaporkan. Jika anda mengesyaki anda telah menggunakan Hexigel secara berlebihan, sila rujuk doktor atau ahli farmasi anda. Bawa baki Hexigel yang masih tinggal.

Tertelan secara tidak sengaja: Chlorhexidine yang diambil secara oral kurang diserap oleh badan. Sekiranya jumlah yang ditelan adalah besar, ini kemungkinan besar tidak akan memberikan kesan dalam badan.

## Semasa menggunakan Hexigel

### - Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda ingin memulakan penggunaan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan Hexigel.

Produk ini mengandungi chlorhexidine. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda ada alahan kepada chlorhexidine. Berhenti menggunakan produk ini dan dapatkan bantuan perubatan segera jika anda mengalami ruam, kegatalan, bengkak, kesukaran bernafas, pening kepala atau jantung berdegup laju.

Selepas memberus gigi dengan ubat gigi, tunggu selama 30 minit sebelum menyapu gel pada bahagian yang terjejas.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menggunakan lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

Elakkan terkena pada mata. Jika produk chlorhexidine termasuk dalam mata, basuh dengan segera dan secukupnya dengan air.

Jangan menelan gel.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan atau sensitiviti.

Dalam beberapa kes, pewarnaan coklat pada gigi boleh berlaku dengan penggunaan jangka panjang, ini boleh diatasi dengan memberus atau menggilap gigi.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Hexigel boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang megalaminya. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut selepas mengambil ubat ini kerana simptom ini boleh memudaratkan.

- Reaksi kulit yang merengsa.

- Perubahan sementara warna gigi dan lidah
- Rasa lidah pedih
- Perubahan rasa

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI).

#### **Penyimpanan dan pelupusan Hexigel**

##### penyimpanan

Simpan di bawah 30°C di tempat yang kering.

Lindungi dari cahaya

Jangan bekukan

Pastikan tiub sentiasa ditutup apabila tidak digunakan.

##### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

##### - Rupa dan warna produk

Gel jernih tanpa warna dengan ciri-ciri bau dan rasa yang menyenangkan.

##### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Chlorhexidine gluconate solution

- Bahan tidak aktif

Saccharin Insoluble, Menthol, Polaxomer (Lutrol F-127), Flavor ID 812, propylene glycol, Polyoxyl 40 Hydrogenated Castor oil USP (Croduret 50 SP), Air suling, dan Sorbitol Solution 70%.

##### - Nombor MAL:

MAL08042440XZ

#### **Pengilang**

ICPA Health Product Limited  
286/287, GIDC  
Ankleshwar -393002 India.

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Unimed Sdn Bhd  
53, Jalan Tembaga SD 5/2B,  
Bandar Sri Damansara,  
52200, Kuala Lumpur, Malaysia.

#### **Tarikh Kemaskini RiMUP**

19/04/2018

#### **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)150318/00070